

Sinar Harian 11/7/2012 M/S 19

# Sejam kejar bot nelayan asing

**Bot nelayan Vietnam dikesan ceroboh perairan negara ditahan**

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

**A**geni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Terengganu terpaksa mengejar lebih sejam bot nelayan asing Vietnam kerana menangkap ikan secara haram, kelmarin.

Pengarah Maritim Terengganu, Kapten Maritim Rahim Ramli berkata, bot berkenaan kemudian berjaya ditahan kira-kira jam 2.40 pagi di lokasi 50 batu nautika

dari muara Kuala Terengganu berhampiran pelantar Banang.

Terdahulu menurutnya, bot itu dikesan sedang menangkap ikan bersama lima bot lain dipercayai dari negara sama.

"Sebaik saja menyedari kehadiran kami, semua bot itu terus matikan lampu dan melarikan diri apabila diarahkan berhenti untuk diperiksa.

"Kita berjaya tahan sebuah bot selepas mengejar hampir satu jam manakala lima bot lain dapat melepaskan diri," katanya dalam sidang media di pejabat Maritim Terengganu semalam.

Hasil tangkapan itu, pihaknya menahan 11 awak-awak termasuk tekong berusia antara 21 hingga 49 tahun yang mana permit kerja dan



Ramli (dua, kiri) melihat sebahagian hasil laut yang terdapat dalam bot yang ditahan kelmarin.

dokumen pengenalan diri mereka meragukan serta syaki palsu.

Rahim berkata, turut dirampas adalah satu tan sotong, dua tan ikan campur

dan dua tan ikan baja yang keseluruhan nilai rampasan dianggarkan hampir RM1.5 juta termasuk minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan.

Bot itu katanya dibawa ke jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15(1)(a) 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tan-

info

Turut dirampas adalah satu tan sotong, dua tan ikan campur dan dua tan ikan baja yang keseluruhan nilai rampasan dianggarkan hampir RM1.5 juta termasuk minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan.

pa kebenaran sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan menggunakan lesen berlainan dan nombor pendaftaran palsu.

Menurut Rahim, sejak Januari hingga kelmarin Maritim Terengganu telah menahan 51 bot nelayan asing dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM60 juta.